

# Kereta tulen Malaysia 15 tahun lagi — PM

11 - 2 JUL 1994

Oleh G. MANIMARAN  
dan BALA KUMAR

**R**AWANG 1 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Malaysia boleh mengeluarkan kereta tulen sendiri dalam tempoh 10 hingga 15 tahun berbanding negara-negara lain yang mengambil masa lebih 50 tahun.

Kata Perdana Menteri, industri automobil di negara ini berkembang dengan pesat sejak kebelakangan ini dan keadaan itu menandakan Malaysia akan mencapai tahap tersebut dalam masa yang singkat dan cepat.

“Negara-negara lain mengambil masa antara 50 dan 60 tahun untuk mengeluarkan kereta tersendiri.

“Tetapi kita (Malaysia) maju dengan cepat dan mungkin boleh mengeluarkan kereta sendiri dalam masa 10 hingga 15 tahun,”

katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan Kilang Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA) di Sungai Choh, Mukim Serendah di sini, hari ini.

Dr. Mahathir turut menyentuh mengenai kadar peratusan penjualan kereta nasional di peringkat antarabangsa, yang menurut beliau seharusnya melebihi jualan domestik dan mencatat angka 60 peratus.

Beliau berkata, negara-negara lain hanya memasarkan 40 peratus untuk dalam negara dan mengeksport bakinya.

“Di kebanyakan negara, jumlah kereta mereka jual dalam negeri hanya kira-kira 40 peratus. Kalau kita cekap, kita boleh eksport lebih daripada kegunaan domestik,” katanya.

■ Lihat muka 2

## Kereta tulen Malaysia 15 tahun lagi — PM

U.M. - 2 AUG 1994

Sehubungan dengan itu kata beliau, PERODUA akan mempelajari semua tahap pembuatan kereta bermula daripada aspek reka cipta sehingga mengeluarkannya.

Sementara itu dalam ucapan perasmianya Dr. Mahathir berkata, kerajaan berharap PERODUA akan dapat menjadi salah sebuah syarikat yang mampu mereka cipta, membangun dan menghasilkan automobil Malaysia yang tulen.

"Oleh itu, PERODUA harus mempunyai program-program untuk mencapai tahap tersebut. Kerajaan sentiasa akan menyokong

usaha-usaha ini tetapi siasatif mestilah datang dari PERODUA," katanya.

Menurut Perdana Menteri, PERODUA tidak sepatutnya melihat kepada satu sumber sahaja bagi pemindahan teknologi tetapi juga tempat-tempat lain di dunia yang sesuai," katanya.

Beliau menjelaskan, kemampuan itu mestilah merangkumi keupayaan dalam kejuruteraan pengeluaran dan reka cipta serta pembangunan.

Di samping itu kata beliau, adalah penting mereka yang terlibat mencari rakan kongsi yang bersedia mem-

ber teknologi dan kecekapan yang diperlukan.

"Pemindahan teknologi akan hanya tercapai dan bermakna apabila Malaysia boleh mencipta dan mengeluarkan kereta sendiri dengan sepenuhnya.

"Dalam hal ini, segala usaha hendaklah dibuat mempelbagaikan sumber kepakaran teknikal dan latihan untuk mencapai pertumbuhan yang berterusan bagi industri ini," katanya.

Tambah beliau, bagi menghadapi cabaran dalam industri yang sungguh mencabar ini, industri automobil Malaysia mestilah komited

dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membolehkannya bersaing dalam pasaran antarabangsa.

Mengenai masa depan PERODUA, beliau memberitahu, ia dijangka menjadi sebahagian wawasan negara bagi mencapai industri automobil negara yang bermutu iaitu sebagai sebuah syarikat yang mereka cipta, membangun dan mengeluarkan produk untuk pasaran dalam dan luar negara.

"Kita sebenarnya masih jauh daripada mencapai objektif ini. Sekalipun kita boleh menghasilkan komponen untuk membuat kenderaan itu sendiri, kita masih di

tahap awal dalam mencipta dan membangunkannya sendiri," katanya.

Oleh itu, kata beliau, pencapaian kemampuan tersebut mestilah menjadi objektif bagi menguasai industri automobil sepenuhnya.

Perdana Menteri juga berharap, PERODUA akan meningkatkan penggunaan bahan tempatan dan mengeksport kenderaan tersebut atau alat gantinya secepat mungkin.

"Peningkatan penggunaan bahan tempatan akan meningkatkan keupayaan dalam bidang kejuruteraan kereta dan menentukan wang kita tidak mengalir keluar," katanya.